

PENGURUSAN PEMILIKAN TANAH

Dalam mana-mana pembangunan fizikal yang dilaksanakan, perkara pertama yang perlu diselaraskan lebih awal agar tidak mengganggu pelaksanaan projek di masa hadapan adalah pemilikan tanah.

Selain daripada pembahagian tanah oleh SEDCO kepada anak syarikatnya, Perkasa Realty Sdn Bhd juga berusaha memperoleh tanah untuk dibangunkan melalui beberapa alternatif.

i. Pembangunan Pekan Baru

Dalam konteks pembangunan pekan baru, PRSB selaku agensi pelaksana bekerjasama erat dengan Lembaga Pembangunan Perumahan & Bandar (LPPB) yang dipertanggungjawabkan untuk mengawalselia pembangunan pekan baru. SEDCO lazimnya diperuntukkan 30% daripada tanah LPPB berkenaan untuk pembangunan lot kedai sosio-ekonomi yang dibangunkan oleh Perkasa Realty Sdn Bhd.

Contoh: Pekan Baru Sook (Keningau), Pekan Baru Sikuati, (Kudat)



PENGURUSAN PEMILIKAN TANAH

ii. Usahasama dengan Pemilik Tanah Persendirian

Pemilik tanah persendirian yang berhasrat memajukan tanah mereka adalah dialu-alukan untuk berbincang dengan Syarikat. Lazimnya pemilik tanah asal akan diperuntukkan unit rumah kedai sebagai manfaat kepada pembangunan usahasama yang dimeterai. Dalam pada itu, cadangan daripada ketua dan wakil rakyat setempat untuk membangunkan sesuatu tanah turut diterima untuk dibincangkan seterusnya dengan lebih terperinci dengan pemilik tanah berkenaan.

Contoh: Kg Pimping (Beaufort), Kg Matupang (Ranau)

iii. Usahasama dengan Koperasi Setempat

Secara umumnya koperasi setempat yang mendapat peruntukkan tanah dari pihak Kerajaan juga tidak terkecuali daripada menjalinkan pembangunan usahasama dengan Syarikat untuk memanfaatkan tanah yang sedia ada tersebut. Melalui konsep yang sama, manfaat usahasama turut diberikan kepada pihak koperasi terlibat.

Contoh: Koperasi Sungai Tiram Sandakan Berhad, Koperasi Sukau Berhad



Sukau, Kinabatangan